

31 AUG 2000

MAHATHIR SAMPAIKAN HADIAH KEPADA PEMENANG PERLUMBAAN MERDEKA

KUALA LUMPUR, 31 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyampaikan hadiah kepada pemenang perlumbaan lumba kereta Silverstone Merdeka Milenium Endurance di the Sepang International Circuit (SIC), di sini.

Dr Mahathir, yang ke SIC sebaik selepas perhimpunan dan perarakan Hari Kebangsaan di Shah Alam, turut menyaksikan beberapa pusingan perlumbaan lasak 12 jam itu, yang bermula tengah malam tadi.

Perdana Menteri turut melawat pit 53 peserta perlumbaan, yang disifatkan sebagai perlumbaan bentuk ini yang pertama di Malaysia. Antara orang ternama yang menyertai perlumbaan ini, yang dimenangi oleh pasukan Petronas EON Racing, termasuk anak Dr Mahathir sendiri, Mokhzani dan pelayar negara, Datuk Azhar Mansor.

Mokhzani terlepas peluang menaiki podium apabila mendapat tempat keempat kategori kelas A.

Turut hadir pada majlis penyampaian hadiah itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob dan Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

--BERNAMA

SR ES zb